




KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	11/1/2020	MUKA SURAT	: 32
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Paras air empangan susut



Empangan Pedu mencatatkan jumlah takungan 49.1 peratus setakat jam 8 pagi semalam. Gambar kecil: Simon.

Berlaku akibat cuaca panas landa Kedah sejak penghujung November tahun lalu

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

### ALOR SETAR

Rakyat Kedah dinasihatkan mengambil langkah berjimat dalam penggunaan air berikutan takungan di beberapa empangan menyusut akibat cuaca panas ketika ini.

Exco Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam, Sains dan Teknologi, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Kedah, Simon Ooi Tze Min berkata, keadaan terbabit berlaku selepas cuaca panas melanda Kedah sejak penghujung November lepas.

Menurutnya, berdasarkan rekod Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), takungan di beberapa empangan utama mencatatkan penyusutan.

“Melalui semakan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), negara kini berada pada fasa kedua Monsun Timur Laut yang dijangka akan berakhir pada hujung Mac depan.

“Jadi, keadaan hujan di kawasan utara khususnya Kedah dan Perlis sudah tidak menerima hujan sehingga dua minggu sepanjang tempoh ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Simon berkata, gelombang haba pula mencatatkan bacaan antara 34 darjah Celcius hingga 36 darjah Celsius di Alor Setar untuk minggu ini berdasarkan bacaan menerusi APP myCuaca.

Katanya, di Malaysia, suhu setinggi 34 darjah Celcius dan lebih daripada itu dianggap sebagai cuaca panas luar biasa.

“Kerajaan negeri akan sentiasa memantau perkembangan berhubung perkara ini dan bekerjasama dengan agensi berkaitan khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk menggiatkan lagi usaha pemantauan terhadap sebarang aktiviti pembakaran terbuka bagi mengelakkan sebarang kejadian.

“Orang ramai diminta supaya tidak melakukan pembakaran terbuka atau

pun membuang puntung rokok sesuka hati kerana kesannya amat besar terutama dalam cuaca panas ketika ini,” katanya.

Dalam perkembangan sama, katanya, penduduk dinasihatkan untuk tidak terlalu terdedah pada cuaca panas bagi mengelakkan serangan strok haba.

**Kedudukan Takungan Empangan pada 10 Januari 2020 setakat jam 8 pagi:**

**49.1%**  
Pedu

**22.6%**  
Muda

**63.6%**  
Ahning

\*SUMBER: MADA